

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 22 JULAI 2023

AKHBAR : BERITA RTM

PAUTAN : <https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/67882-kerajaan-persekutuan-negeri-sehaluan-penting-segera-capai-sasaran>

### Kerajaan persekutuan, negeri perlu sehaluan, segera capai sasaran



(Rafizi Ramli mengadakan dialog pada Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal RMK-12 Bersama Kerajaan Negeri P. Pinang/BERNAMA)

**BAYAN LEPAS, 22 Julai-** Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang sehaluan amat penting dalam menyegerakan usaha mencapai sasaran untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2028.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pertumbuhan ekonomi negeri juga akan lebih mudah untuk dipercepatkan sekiranya kedua-dua kerajaan sehaluan.

Negeri Pulau Pinang dijadikan contoh dalam perkara itu, yang menurutnya lebih mudah untuk maju kerana sudah cukup matang serta mempunyai rekod prestasi dan infrastruktur yang baik.

Selain, memiliki pemain industri dalam kalangan pihak swasta dengan rangkaian global.

"Ia memerlukan kerjasama yang sangat erat antara negeri dan persekutuan kerana tiada siapa boleh melakukannya sendiri. Negeri tidak boleh melakukannya dengan sendiri, persekutuan juga tidak boleh melakukannya tanpa kerjasama negeri", katanya.



(Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli/BERNAMA)

Sementara itu, Rafizi juga berkata kementerianya sedia untuk bekerjasama dengan kerajaan Pulau Pinang dalam beberapa projek pengangkutan yang telah diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Pengangkutan Anthony Loke.

"Walaupun saya masih belum mendapat butiran mengenai semua projek pengangkutan dan infrastruktur, kita akan membincangkannya di pelbagai peringkat seperti Kementerian Pengangkutan dan juga agensi bawah Kerajaan Pulau Pinang bagi memastikan projek itu berjalan lancar", katanya.

Menurutnya, kesemua projek ini akan menjadi lonjakan kepada potensi ekonomi Pulau Pinang dalam menarik pelabur.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Sesi Penglibatan Separuh penggal Rancangan Malaysia ke-12 di Bayan Lepas.